

22/07/1998

Projek prasarana gerakkan ekonomi (HL)

Mustapa Omar; M Noh Senan

SEREMBAN, Selasa - Kerajaan akan melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran bagi mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan menggerakkan industri lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pendekatan itu adalah salah satu daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kerana projek berkenaan termasuk yang membabitkan sektor pembinaan boleh memberi faedah kepada 140 industri lain.

"Lebih besar pembinaan, lebih banyak aktiviti ekonominya," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua-ketua bahagian, Pemuda dan Wanita serta pegawai penerangan Umno negeri di Wisma Negeri, di sini hari ini.

Menurutnya, pembinaan prasarana mesti diadakan untuk kepentingan pembangunan negara bagi meningkatkan ekonomi dan kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang untuk tujuan itu.

"Kita akan adakan projek berasaskan pembinaan bukan saja untuk jalan raya malah projek prasarana lain. Kita akan membelanjakan wang untuk menggerakkan industri lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat kini sudah dapat melihat apa yang MTEN lakukan berbeza daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bahawa Malaysia perlu mempunyai lebih mudah tunai dan tidak mengetatkan kredit.

"Ia adalah strategi yang betul kerana ketika kita mengikut cadangan IMF dan mengetatkan mudah tunai, sebenarnya ada pengecutan ekonomi dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

"Sekarang kita perlu melonggarkannya dan memperuntukkan lebih banyak wang untuk mewujudkan aktiviti ekonomi," katanya.

Mengenai kekecewaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terhadap sikap IMF yang tidak telus dan konsisten dalam memberikan bantuan, Dr Mahathir berkata, tentunya Anwar berasa kecewa kerana Russia mendapat bantuan AS\$17.1 bilion (RM68.4 bilion) dengan begitu mudah, sedangkan Indonesia tidak menerima bantuan walaupun sudah lama meminta.

Menurutnya, IMF sepatutnya telus dalam membuat keputusan kerana cara yang digunakan oleh IMF dalam membuat keputusan sekarang boleh menimbulkan pertanyaan.

Sementara itu, berucap pada majlis pertemuan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), ketua masyarakat/pertubuhan dan pegawai kanan kerajaan petang ini, Dr Mahathir berkata, rakyat mempunyai hak memajukan negaranya sendiri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju dalam segala bidang.

Katanya, tidak ada sebab rakyat negara ini tidak boleh memajukan negaranya sendiri kerana mereka mempunyai keupayaan dan kemampuan berasaskan kepada hubungan baik antara kaum, selain sentiasa bertertib.

"Memajukan negara ini adalah hak rakyat seperti juga orang lain memajukan negara masing-masing dan Malaysia pun tidak minta banyak bantuan kewangan daripada pihak tertentu seperti dilakukan negara membangun lain.

"Kita mencapai kejayaan sejak merdeka dulu adalah kerana hubungan yang terjalin antara kerajaan dan rakyat," katanya.

(END)